

Newspaper	Berita Harian
Date	7 January 2016

TUN ABDUL RAZAK DALAM KENANGAN

# Seminar khas peringati jasa, sumbangan

» PM dijadual sampai ucapnama pada program anjuran Yayasan Cemerlang


Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
mnasaruddin@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**S**atu seminar khas bagi mengenang jasa dan sumbangan Tun Abdul Razak Hussein sebagai Perdana Menteri Malaysia Kedua akan diadakan pada 14 Januari ini.

Seminar bagi memperingati 40 tahun kematian beliau dianjurkan Yayasan Cemerlang dengan kerjasama Institut Kepimpinan dan Strategi Asia (ASLI) serta Universiti Tun Abdul Razak (UNIRAZAK), bertempat di Hotel Royal Chulan di sini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dijadual menyampaikan ucapnama bertajuk 'Ingatan Saya Kepada Tun Abdul Razak' pada seminar itu, dengan teks ucapan disediakan oleh bekas Ketua Setiausaha Ne-



Tun Abdul Razak ketika melawat China pada Mei 1974.

gara, Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid.

Seminar itu akan dirasmikan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, sementara majlis penutup akan disempurnakan Pro-Canselor UNIRAZAK, Datuk Nizam Razak.

## Tiga sesi seminar

Seminar itu dibahagikan kepada tiga sesi, bermula pada sebelah pagi dengan tajuk 'Membentuk Jalanan Politik Baharu Bagi Pembangunan Negara: Cabaran dan Isu', antara lain memberi fokus pada perpaduan dan pembentukan Barisan Nasional (BN).

Ia kemudian diteruskan dengan sesi khas memberi fokus perbincangan berkaitan 'Menganalisis Kehidupan dan Masa Tun Abdul Razak - Ingatan Peribadi Saya Tun Abdul Razak'.

Sesi akhir jam 3 petang pula akan menumpukan perbincangan yang menyentuh mengenai 'Model

Pembangunan Tun Razak: Dua Rampang NEP (Dasar Ekonomi Baru) dan 'Buku Merah - Apa Pengajaran Yang Boleh Diperoleh'.

Mereka yang hadir pada seminar itu juga berpeluang bertanyakan pelbagai persoalan pada sesi soal jawab, termasuk berkaitan isu yang dihadapi negara ketika pentadbiran Abdul Razak.

Peserta terutama generasi muda akan dapat mempelajari dan memperoleh pelbagai pengetahuan mengenai prinsip dan etika kerja Abdul Razak, permuafakatan dan pembangunan ekonomi beliau, sumbangannya dalam bidang pendidikan seperti digaris dalam Laporan Razak serta cabaran negara mendepani peristiwa hitam rusuhan kaum 13 Mei 1969.

Selain memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB), beliau juga menubuhkan BN bagi menggantikan Parti Perikatan pada 1 Januari 1973, yang memfokuskan perjuangan membentuk dan mencapai kestabilan politik berterusan dalam negara.

Abdul Razak yang menjadi Perdana Menteri Malaysia bermula tahun 1970 sehingga tahun 1976, turut dikenali sebagai Bapa Pembangunan Negara.

Beliau meninggal dunia pada 14 Januari 1976 sewaktu mendapatkan rawatan di London.